

## **TALKING POINT**

**Y.BHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSELOR**

---

## **MALAM CITRA MERDEKA**

30 Ogos 2016 (Selasa), 9.10 malam,

Dewan Besar UTeM

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Fadzil bin Che Din**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPNM

**Y.Bhg. Profesor. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang**

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

Rakan Media

Mahasiswa dan mahasiswi baru Universiti Teknikal Malaysia Melaka seterusnya hadirin yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

## PENGENALAN

- Terima kasih kepada **Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Fadzil bin Che Din, Timbalan Naib Canselor HEPA UPNM** kerana sudi berkongsikan pengalaman berharga beliau kepada kita semua.
- Malam ini penuh bermakna apabila ia di sambut bersama 2,483 (1949 ISM + 534 Diploma) pelajar baharu UTeM yang telah mendaftarkan diri semalam.
- Pantun Kemerdekaan:

Halus teratur jambangan cempaka,  
Dibawa berarak beramai-ramai,  
59 tahun kita merdeka,  
Tanah Tumpahnya Darahku aman damai.

## **KEMERDEKAAN NEGARA**

- Sebentar lagi, tanggal detik 12.00 tengah malam genaplah negara kita menyambut kemerdekaan untuk kali ke 59.
- Dalam usia kemerdekaan yang telah melebihi setengah dekad, masih terdapat sebilangan masyarakat khususnya golongan generasi muda yang kurang arif mengenai peranan dan erti sebenar kemerdekaan yang telah dikecapi ini.
- Kemerdekaan bukan sekadar bebas daripada penjajahan secara fizikal semata-mata.
- Kita perlu sentiasa peka dan menghindari penjajahan yang lebih merbahaya iaitu penjajahan mental melalui pengaruh-pengaruh budaya dan amalan negatif yang berasal dari barat.
- Semangat kemerdekaan hendaklah terus di tanam melalui cara pemikiran minda kelas pertama sekaligus mempertahankan

kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh para pemimpin negara yang terdahulu.

## **IMBASAN ZAMAN DAHULU**

- Tahukah anda betapa susahnya datuk nenek dan moyang kita dahulu dalam mengharungi hidup yang dijajah oleh orang luar?
- Kehidupan generasi dahulu yang serba kekurangan, kurang berpendidikan, kurang pembangunan, tiada mata pencarian yang tetap dan hidup dalam keadaan yang mencukupi sahaja.
- Namun di sebalik kekurangan ini, mereka telah dikurniakan dengan semangat perjuangan yang amat tinggi untuk membebaskan negara tercinta daripada ditakluki oleh kuasa luar.
- Kini, setelah lebih 50 tahun merdeka, keadaan ini sudah jauh berbeza.

- Hasil kesejahteraan, kemakmuran dan pembangunan negara yang dirasai pada hari ini merupakan usaha perjuangan generasi terdahulu.
- Hargailah segala apa yang dimiliki pada hari ini dan berusaha untuk memelihara kemakmuran dan keharmonian yang telah dikecapi.

## #SEHATI SEJIWA

- Majlis sambutan malam kemerdekaan ke 59 tahun ini masih mengekalkan tema **#Sehati Sejiwa**.
- Tema ini bersesuan dan membawa mesej yang penuh bermakna kerana ia mencerminkan semangat kesepaduan, kesefahaman, persaudaraan serta sifat kemanusiaan kita sebagai rakyat Malaysia.

## **SEMANGAT PATRIOTISME DAN NASIONALISME**

- Semangat patriotik dapat disimpulkan sebagai roh atau kumpulan orang yang mempunyai pendapat yang sama dalam mengekalkan dan melindungi negara tercinta.
- Nasionalisme wujud selepas patriotisme dibina dalam jiwa setiap individu dalam masyarakat itu. Ia wujud selepas beransur-ansur penjanaan nilai-nilai positif patriotik dalam individu untuk mempertahankan semangat nasionalisme.
- Kedua-dua nilai ini akan menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia
- Generasi muda khususnya hendaklah menjadikan nilai patriotisme dan nationalism sebagai amalan atau pegangan serta disemai dalam jiwa segenap lapisan masyarakat.

## **SAMBUTAN MALAM KEMERDEKAAN**

- Program yang dianjurkan pada malam ini adalah untuk mengajak semua warga UTeM untuk lebih memahami, menghayati erti kemerdekaan serta mendalami maksud tema kemerdekaan pada kali ini.
- Perpaduan adalah elemen penting yang perlu ada di dalam diri setiap lapisan masyarakat.
- Sikap toleransi yang menjadi asas kepada perpaduan dan keharmonian negara menjadi asas penting dalam kehidupan yang berbilang bangsa dan masyarakat.
- Kemajmukan yang ada di universiti ini boleh kita lihat sebagai satu keunikan yang boleh diterjemahkan sebagai kekuatan kita bersama.

## **PENUTUP**

- Syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan program ini.
- Hargailah keamanan, peliharalah keharmonian, pupuklah perpaduan dengan mencintai watan.
- Marilah kita berpadu, dengan obor perjuangan yang jitu, demi Malaysia yang satu.

## **PUISI**